

**SIKAP GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH TERHADAP  
PENGGUNAAN BUKU TEKS BAHASA MELAYU**

*(Primary School Malay Language Teachers' Attitude Toward The  
Use Of Malay Language Text Books)*

ZAMRI MAHAMOD

[d-zam@ukm.my](mailto:d-zam@ukm.my)

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

MAHIDIN AWANG ITAM

*Kementerian Pelajaran Malaysia*

AFENDI HAMAT

[afendihamat@gmail.com](mailto:afendihamat@gmail.com)

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap penggunaan buku teks Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Keberkesanan buku teks dinilai daripada empat aspek, iaitu (i) keberkesanan isi kandungan, (ii) persembahan, (iii) aktiviti dan latihan serta (iv) bahasa dan istilah. Selain itu, tahap kekerapan penggunaan buku teks Bahasa Melayu semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P) juga dikaji. Seramai 198 orang guru Bahasa Melayu di sekolah rendah daerah Hulu Langat dipilih sebagai sampel kajian. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian dan data dianalisis secara statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan sikap guru Bahasa Melayu terhadap penggunaan buku teks berada pada tahap sederhana bagi aspek isi kandungan, persembahan serta aktiviti dan latihan. Bagi aspek bahasa dan istilah menunjukkan sikap penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu (BTBM) yang tinggi dalam kalangan guru. Manakala tahap kekerapan penggunaan buku teks menunjukkan tahap penggunaan yang sederhana bagi aktiviti semasa P&P. Implikasi kajian menunjukkan bahawa guru-guru Bahasa Melayu kurang didedahkan tentang tata cara penggunaan BTBM secara berkesan di dalam bilik darjah. Oleh itu, dicadangkan langkah-langkah bagi memastikan guru-guru menggunakan BTBM dengan mempertingkatkan kualiti isi kandungan, persembahan, aktiviti dan latihan.

**Kata kunci:** Buku teks, isi kandungan, guru Bahasa Melayu, sekolah rendah

**ABSTRACT:** The purpose of this study is to determine the attitude of the Malay Language primary school teachers toward the use of the Malay Language text books in teaching and learning in the classroom. The effectiveness of the textbooks was evaluated based on four aspects (i) effectiveness of the content, (ii) presentation, (iii) activities and practice, as well as (iv) language and terms. Additionally, the level of frequency of use of the text books during teaching and learning was also investigated. A total of 198 Malay Language

*teachers in primary schools in the district of Hulu Langat were chosen as the study sample. Data were analyzed using descriptive statistics. Results showed that the attitude of the Malay Language teachers toward the use of text books is at the moderate level for the aspects of content, presentation as well as activities and practice. For the aspect of language and terms, high BTBM usage attitude was shown among the teachers. Meanwhile the level of frequency of text book use showed a moderate usage level for activities during teaching and learning. The implication of the study indicates that the Malay Language teachers lack exposure on the process of effective BTBM usage in the classroom. Therefore, measures are proposed to ensure the teachers use BTBM by enhancing the quality of the content quality, presentation, activities and practice.*

**Keywords:** Text books, text book content, Malay Language teacher, primary school

## PENGENALAN

Buku teks merupakan salah satu bahan mengajar yang penting dan sering digunakan oleh para guru. Buku teks memberi panduan atau sukanan bagi setiap tajuk yang perlu diajar. Bagi murid pula, buku teks dijadikan asas bacaan bagi sesuatu mata pelajaran di samping buku-buku rujukan lain. Bagi negara yang sedang maju seperti Malaysia, tidak dinafikan bahawa buku teks adalah salah satu bahan utama untuk mentafsirkan falsafah, matlamat, objektif dan prinsip kurikulum pendidikan. Buku teks yang bermutu bukan sahaja dapat menentukan perkembangan ilmu pengetahuan, tetapi juga membantu pembinaan sahsiah dan perkembangan rohani murid. Hal ini adalah selari dengan matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan, iaitu untuk membentuk diri dalam aspek intelektual dan kerohanian (KPM 2005).

Pada tahun 1975, KPM telah melancarkan Skim Pinjaman Buku-buku Teks (SPBT) ke seluruh negara. Hal ini adalah bantuan keemasan bagi murid-murid yang miskin untuk menggunakan buku teks sepenuhnya. Antara objektif SPBT ini adalah untuk membantu murid miskin mendapatkan buku-buku teks secara pinjaman bagi mengelakkan mereka daripada ketinggalan dalam pelajaran serta tidak berlakunya keciciran dalam kalangan murid miskin. Skim bantuan ini dikelolakan oleh Biro Buku Teks (BBT) KPM. Mulai tahun 2007, SPBT ini diberikan percuma kepada semua lapisan murid tanpa mengira asal keturunan dan latar belakang pendidikan keluarga.

## PERNYATAAN MASALAH

Pada masa ini, terdapat pelbagai buku di pasaran. Penerbitan buku ini umpsama cendawan tumbuh selepas hujan sehingga kita keliru buku manakah yang terbaik untuk digunakan sebagai buku teks. Menurut Wan Mohammad (1998), sebelum sesebuah buku teks diedarkan ke pasaran atau ke sekolah-sekolah, buku teks ini perlu melalui empat peringkat penilaian dan memenuhi ciri sebuah buku teks yang baik berdasarkan (i) kandungan menepati sukanan pelajaran dan huraihan sukanan pelajaran, (ii) bahasa yang betul dan mudah, (iii) grafik yang sesuai dan menarik minat murid

untuk menggunakan buku teks, serta (iv) aktiviti dan latihan sesuai dengan aras kemahiran murid.

Antara faktor utama menyebabkan berlakunya keciciran dalam kalangan murid adalah kurangnya membaca buku-buku, termasuk buku teks. Kebanyakan ibu bapa tidak mampu atau tiada kesedaran untuk membeli buku-buku teks yang cukup untuk anak-anak mereka, sedangkan buku teks tersebut sangat penting untuk menambahkan ilmu pengetahuan anak-anak mereka (Wan Mohammad 1998). Laporan Jawatankuasa Perguruan Mengkaji Sebab-Sebab Laporan Keciciran, KPM (1997) ada menyebutkan bahawa buku teks merupakan suatu penentu yang penting tentang pencapaian murid-murid. Atas kesedaran inilah, maka pada tahun 1974, Biro Buku Teks (BBT) telah ditubuhkan. Antara matlamat utama penubuhan BBT ialah:

1. Mengawal dan meningkatkan mutu buku-buku teks
2. Mengawal penggunaan dan pertukaran buku-buku teks di sekolah-sekolah
3. Mengawal harga buku teks
4. Mengawal pembekalan buku-buku teks

Pada keseluruhan, murid sekolah rendah tahun satu hingga tiga menggunakan 10 buah buku teks selain buku rampaian untuk semua mata pelajaran, iaitu dua bagi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Moral/Agama dan Muzik. Bagi tahun empat hingga enam pula, mereka menggunakan buku Sains selain mata pelajaran berkenaan. Selain itu, murid-murid juga terpaksa membawa buku latihan dan buku kerja. Guru yang pandai merancang akan memaklumkan lebih awal kepada murid-muridnya supaya membawa buku teks tertentu sahaja untuk pembelajaran pada hari itu.

Menurut bekas Setiausaha Agung Kesatuan Profesion Perguruan Kebangsaan (NUTP) N. Siva Subramaniam (Portal 2001) "jadual waktu pembelajaran perlu dirancang dengan teliti, murid-murid tidak perlu membawa buku teks ke sekolah kerana guru banyak bergantung kepada buku kerja bukan buku teks ketika mengajar". Beliau mendakwa kebanyakan buku teks mengandungi maklumat basi. Akibatnya, buku teks yang dicetak di atas kertas bermutu tinggi menggunakan wang pembayar cukai, tinggal tidak terusik pada akhir penggal persekolahan. Beliau menggesa Kementerian Pendidikan supaya mengkaji semula perkara itu dan jika wajar, menghentikan terus penggunaan buku teks.

Seorang bapa (Portal 2001) yang tidak mahu namanya disiarkan menganggap buku teks sebagai buku yang tidak berguna. Jika demikianlah keadaannya, cadangan membahagikan buku teks kepada dua jilid, iaitu jilid 1 dan 2 nampaknya tidak perlu lagi kerana ia hanya akan menyebabkan kos tambahan. Era informasi sekarang mempunyai pelbagai lagi pilihan, termasuk penggunaan internet atau pemancaran teks daripada komputer ke atas layar besar yang dipasang di dalam bilik darjah, Ujar beliau, "Kita banyak sekali bercakap tentang teknologi maklumat dan komputer serta pelbagai inovasi yang boleh merevolusi pendidikan. Jadi, kenapa kita masih lagi terikat dengan buku teks?" Persoalan ini masih belum terjawab.

Oleh kerana maklumat tentang sejauh mana guru-guru menggunakan buku teks dalam P&P masing-masing masih kurang dijalankan, maka kajian perlu dilaksanakan bagi mengetahui keberkesanan dan kekerapan penggunaan BTBM ini. Kajian ini akan meninjau sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan dan kekerapan penggunaan BTBM dalam P&P di sekolah rendah.

### **TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan dan kekerapan penggunaan BTBM sekolah rendah di daerah Hulu Langat dalam P&P di dalam bilik darjah. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek isi kandungan BTBM.
2. Mengetahui sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek persembahan BTBM.
3. Mengetahui sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek aktiviti dan latihan BTBM.
4. Mengetahui sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek bahasa dan istilah BTBM.
5. Mengenal pasti tahap kekerapan guru Bahasa Melayu menggunakan BTBM semasa P&P.

### **PERSOALAN KAJIAN**

Sebanyak lima soalan kajian dibina bagi mengkaji sikap guru Bahasa Melayu, iaitu seperti berikut:

1. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek isi kandungan BTBM?
2. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek persembahan BTBM?
3. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek aktiviti dan latihan BTBM?
4. Apakah sikap guru Bahasa Melayu terhadap keberkesanan aspek bahasa dan istilah BTBM?
5. Apakah tahap kekerapan guru Bahasa Melayu menggunakan BTBM semasa P&P?

### **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah rendah dalam daerah Hulu Langat. Daerah ini dipilih kerana mempunyai kuantiti guru yang ramai. Mereka terdiri daripada guru yang mungkin telah mengikuti kursus penggunaan BTBM semasa di Institut perguruan dan yang mengikuti kursus jangka pendek di Pusat Kegiatan Guru (PKG) dan sebagainya. Lokasi daerah ini juga berhampiran tempat-tempat latihan seperti Institut Perguruan

Islam (IPI), Institut Perguruan Ilmu Khas (IPIK) dan institusi pengajian tinggi yang lain. Tumpuan kajian ini adalah tertumpu kepada semua guru yang mengajar di empat zon daerah Hulu Langat iaitu Zon Ampang, Cheras, Kajang dan Semenyih. Bagi keempat-empat zon yang terdapat di daerah Hulu Langat, terdapat 16 buah sekolah rendah di Zon Ampang, 17 buah sekolah rendah di zon Cheras, 17 buah sekolah rendah di Zon Kajang dan 18 buah sekolah rendah di zon Semenyih. Semua nama sekolah rendah di daerah Hulu Langat dikelompokkan mengikut zon yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPS). Keseluruhannya, sebanyak 28 buah sekolah rendah daerah Hulu Langat dijadikan lokasi kajian.

## DAPATAN KAJIAN

### Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Keberkesanan Aspek Isi Kandungan Buku Teks Bahasa Melayu

Terdapat 24 item yang dianalisis bagi menentukan tahap keberkesanan isi kandungan BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah darjah. Berdasarkan Jadual 1, item 1, 23 dan 24 menunjukkan tahap keberkesanan isi kandungan yang tinggi yang mencatatkan skor min melebihi 4.00. Contohnya bagi item ke-24 yang mencatatkan skor min paling tinggi (4.24), iaitu "Kandungan BTBM tidak menyentuh isu-isu sensitif kaum di Malaysia". Aspek keberkesanan yang paling rendah ialah bagi item 6, 7, dan 8 yang hanya mencatatkan skor min antara 3.55–3.57 sahaja. Min keseluruhan item ialah 3.784 di mana ia menunjukkan bahawa sikap guru terhadap keberkesanan aspek isi kandungan BTBM adalah sederhana. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Sikap guru terhadap keberkesanan aspek isi kandungan BTBM**

Bil	Perkara	Min
1	BTBM mengandungi perkara asas yang perlu dipelajari oleh murid.	4.03
2	BTBM menepati Sukatan Pelajaran (SP).	3.75
3	BTBM menepati Huraian Sukatan Pelajaran (HSP).	3.63
4	Isi Kandungan BTBM disusun mengikut kehendak SP dan HSP.	3.59
5	Kandungan BTBM menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).	3.89
6	Kandungan BTBM merangkumi semua hasil pembelajaran dengan berdasarkan aras-aras kecekapan seperti yang dinyatakan dalam HSP.	3.56
7	BTBM menjelaskan konsep dengan tepat.	3.57
8	Murid boleh menguasai kemahiran tanda bacaan melalui kandungan BTBM dalam P&P.	3.55
9	Murid dapat menguasai kemahiran membaca dengan intonasi yang betul melalui kandungan BTBM.	3.78
10	Murid dapat menguasai kemahiran menulis ayat yang betul dengan menggunakan BTBM.	3.65
11	Murid dapat menguasai kemahiran bertutur yang betul dengan menggunakan BTBM.	3.64
12	Murid dapat menguasai kemahiran mendengar yang betul dengan menggunakan	3.67

	BTBM.	
13	Kandungan BTBM merentas kurikulum.	3.80
14	Kandungan BTBM adalah sesuai dengan kumpulan sasar seperti pengalaman, umur, jantina, latar belakang dan tahap kecerdasan murid.	3.58
15	BTBM mengandungi ayat dan gaya bahasa yang mudah difahami oleh murid.	3.82
16	BTBM mengandungi unsur membimbang, nasihat dan P&P kepada murid.	3.88
17	Ketebalan BTBM adalah sesuai dengan tahap murid.	3.96
18	BTBM mengandungi unsur kemahiran berfikir dan mencabar minda murid.	3.81
19	Kandungan BTBM adalah mencakupi isu-isu semasa di dalam dan luar negara.	3.55
20	Kandungan BTBM menjurus kepada kepelbagaian budaya, bahasa, agama dan kaum di Malaysia.	3.94
21	Kandungan BTBM mempunyai kesepadan kemahiran dan nilai murni.	3.92
22	BTBM merangkumi aspek kemahiran mental.	3.82
23	Kandungan BTBM tidak bertentangan dengan Dasar Pendidikan Negara.	4.20
24	Kandungan BTBM tidak menyentuh isu-isu sensitif kaum di Malaysia.	4.24
	<b>Purata min</b>	<b>3.78</b>

### **Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Keberkesanan Aspek Persembahan Buku Teks Bahasa Melayu**

Terdapat 21 item yang dianalisis bagi menentukan tahap keberkesanan aspek persembahan BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah. Jadual 2 menunjukkan item 17 iaitu, merujuk kepada "BTBM mencerminkan latar belakang dan budaya masyarakat Malaysia" yang pelbagai kaum dan item 1 yang menyatakan "Strategi P&P yang dicadangkan mengutamakan kemahiran membaca" menunjukkan tahap keberkesanan aspek persembahan yang tinggi. Item yang menunjukkan tahap keberkesanan yang paling rendah ialah item 4, iaitu "gaya persembahan menarik minat murid dalam pembelajaran BM". Bagi keseluruhan item tahap persetujuan ialah min 3.801 yang menunjukkan sikap guru terhadap keberkesanan aspek persembahan BTBM adalah sederhana. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Sikap guru terhadap keberkesanan aspek persembahan BTBM**

Bil	Item	Min
1	Strategi P&P dalam BTBM yang dicadangkan mengutamakan kemahiran membaca.	4.02
2	Strategi P&P dalam BTBM yang dicadangkan mengutamakan kemahiran menulis.	3.83
3	Cadangan P&P dalam BTBM menggunakan pelbagai kaedah seperti latih tubi, induktif dan deduktif.	3.84
4	Gaya persembahan dalam BTBM menarik minat murid dalam pembelajaran BM.	3.58
5	Persembahan dan penyampaian sesuatu tajuk, subtajuk, unit dan subunit dalam BTBM adalah menarik dan kreatif.	3.69
6	Persembahan dan penyampaian BTBM merangsang minda murid.	3.70
7	Susun atur teks, gambar, ilustrasi BTBM memudahkan murid memahami kandungan BTBM.	3.85

8	Reka letak halaman menarik dan dapat menonjolkan tajuk/perkara penting dalam kandungan BTBM.	3.75
9	Pengolahan bahan BTBM mengikut urutan secara terancang dari segi fakta/konsep berdasarkan prinsip mudah ke kompleks.	3.80
10	Pengolahan bahan BTBM mengikut urutan secara terancang dari segi fakta/konsep berdasarkan prinsip senang ke susah.	3.80
11	Pengolahan bahan BTBM mengikut urutan secara terancang dari segi fakta/konsep berdasarkan prinsip dekat ke jauh.	3.87
12	Pengolahan bahan BTBM mengikut urutan secara terancang dari segi fakta/konsep berdasarkan prinsip konkret ke abstrak.	3.87
13	Pengolahan bahan BTBM mengikut urutan secara terancang dari segi fakta/konsep berdasarkan teori ke aplikasi.	3.75
14	BTBM ada kesinambungan antara pengetahuan dan kemahiran asas BM mengikut kesesuaian pelajaran, tajuk dan unit.	3.86
15	Persempahan BTBM mudah difahami dan senang dipelajari oleh murid pelbagai aras kecekapan dalam pembelajaran BM.	3.77
16	BTBM mempunyai reka letak halaman yang dapat menarik minat murid menggunakaninya.	3.69
17	BTBM mesra pengguna.	3.69
18	BTBM mencerminkan latar belakang dan budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum.	4.08
19	Grafik BTBM yang dipersembahkan sesuai dan menarik minat murid untuk menggunakan BTBM.	3.78
20	Pemilihan warna dalam BTBM adalah sesuai dengan teks dan bahan grafik.	3.76
21	BTBM kepelbagaian persempahan bahan seperti permainan, silang kata, melukis, mewarna, menggaris, menanda, mencari benda tersembunyi dan ikon-ikon yang berbeza bagi aktiviti yang berlainan.	3.84
	<b>Purata min</b>	<b>3.80</b>

### Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Keberkesanan Aspek Aktiviti dan Latihan Buku Teks Bahasa Melayu

Terdapat 12 item yang dianalisis bagi menentukan tahap keberkesanan aspek aktiviti dan latihan BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah. Berdasarkan Jadual 3, item 2 dan 3 menunjukkan tahap keberkesanan aspek aktiviti dan latihan yang tinggi, iaitu skor min 3.90 dan 3.89. Item yang menunjukkan skor min terendah ialah item 7 dan 8 iaitu skor min 3.62. Bagi keseluruhan item tahap persetujuan adalah min 3.74 yang menunjukkan sikap guru terhadap keberkesanan aspek aktiviti dan latihan dalam BTBM adalah sederhana. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 3.

**Jadual 3: Sikap guru terhadap keberkesanan aspek aktiviti dan latihan BTBM**

Bil.	Perkara	Min
1	Aktiviti dan latihan dalam BTBM sesuai dengan kumpulan sasar.	3.66
2	Arahan atau soalan yang dicadangkan dalam BTBM adalah jelas.	3.89

3	Arahan atau soalan yang dicadangkan dalam BTBM adalah tepat dan mudah difahami.	3.90
4	Arahan atau soalan yang terdapat dalam BTBM berpusatkan kepada murid.	3.86
5	Aktiviti dan latihan dalam BTBM sesuai untuk mencapai objektif pembelajaran mengikut aras-aras dalam HSP.	3.72
6	Aktiviti dalam BTBM yang dicadangkan menggalakkan murid terlibat aktif secara individu, berpasangan atau kumpulan.	3.63
7	Aktiviti dan latihan dalam BTBM boleh diselesaikan atau dijawab oleh murid dalam jangka masa pembelajaran.	3.62
8	Latihan dan aktiviti yang terdapat dalam BTBM mencukupi untuk mencapai objektif pembelajaran seperti yang dirancang.	3.62
9	Aktiviti dan latihan dalam BTBM merangkumi aspek penilaian, pengukuhan dan pengayaan.	3.82
10	Terdapat kepelbagaian aktiviti yang dicadangkan dalam BTBM seperti aktiviti individu, kumpulan, dalam dan luar bilik darjah, kajian kepustakaan, buku skrap dan sebagainya.	3.71
11	Latihan atau penilaian dalam BTBM sesuai dengan aras pengetahuan murid.	3.67
12	Aktiviti dan latihan dalam BTBM merentas kurikulum	3.87
<b>Purata min</b>		<b>3.74</b>

#### **Sikap Guru Bahasa Melayu terhadap Keberkesanan Aspek Bahasa dan Istilah Buku Teks Bahasa Melayu**

Terdapat sembilan item yang dianalisis bagi menentukan tahap keberkesanan aspek bahasa dan istilah BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah. Berdasarkan Jadual 4, semua item menunjukkan tahap keberkesanan aspek bahasa dan istilah yang tinggi. Tidak ada item yang menunjukkan tahap keberkesanan yang rendah. Bagi keseluruhan item tahap persetujuan ialah min 4.03 yang menunjukkan sikap guru terhadap keberkesanan aspek bahasa dan istilah BTBM adalah tinggi. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 4.

**Jadual 4: Sikap guru terhadap keberkesanan aspek bahasa dan istilah BTBM**

Bil	Perkara	Min
1	BTBM menggunakan bahasa, istilah dan ejaan tepat, tekal dan kemas kini.	4.11
2	Semua ejaan dalam BTBM dirujuk kepada Kamus Dewan Bahasa.	4.14
3	BTBM menggunakan laras Bahasa Melayu yang tepat dan sesuai dengan kumpulan sasar dalam persembahan bahan.	4.13
4	BTBM menggunakan perbendaharaan kata yang sesuai dengan murid sekolah rendah atau KBSR.	4.09
5	Bahasa yang dipersembahkan dalam BTBM adalah jelas	4.12
6	Ayat arahan yang digunakan dalam BTBM jelas dan mudah difahami oleh murid pelbagai aras kecekapan.	3.95
7	Penggunaan bahasa dan istilah dalam soalan latihan yang dicadangkan dalam BTBM jelas dan mudah difahami oleh murid yang pelbagai aras kecekapan.	3.92

8	Penggunaan belon kata dalam BTBM jelas dan mudah difahami oleh murid.	3.89
9	Dialog atau latihan dalam BTBM jelas dan sesuai dengan tahap murid.	3.93
	<b>Purata min</b>	<b>4.03</b>

### **Tahap Kekerapan Guru Menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu Semasa Pengajaran dan Pembelajaran**

Jadual 5 menunjukkan tahap kekerapan guru menggunakan BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah. Dapatan menunjukkan bahawa item 14 mencatatkan skor min yang tertinggi, iaitu 3.97 yang menyebut "Penggunaan BTBM mempunyai nilai dalam meningkatkan pemahaman murid". Item yang mencatatkan skor min yang paling rendah, ialah item 6 yang menyebut "saya menggunakan BTBM dalam P&P secara spontan" iaitu 3.14. Ini menunjukkan bahawa guru tidak begitu kerap menggunakan BTBM secara spontan di dalam bilik darjah. Bagi keseluruhan item tahap persetujuan ialah min 3.63 yang menunjukkan tahap kekerapan guru menggunakan BTBM semasa P&P adalah sederhana. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam Jadual 5.

**Jadual 5: Tahap kekerapan guru menggunakan BTBM semasa P&P**

Bil	Perkara	Min
1	Saya hanya menggunakan BTBM di dalam kelas murid yang cerdas sahaja.	2.76
2	Saya kerap menggunakan BukuTeks BM kepada murid yang lemah sahaja.	2.61
3	Penggunaan BTBM dalam P&P memudahkan kerja guru.	3.73
4	Saya menggunakan BTBM dalam P&P secara tidak langsung.	3.44
5	Semasa mengajar, saya menggunakan BTBM yang menjurus kepada praktikal dan amalan harian.	3.79
6	Saya menggunakan BTBM dalam P&P secara spontan.	3.14
7	Saya menggunakan BTBM secara bersepada dengan isi kandungan mata pelajaran lain.	3.90
8	Saya melaksanakan penggunaan BTBM mengikut prosedur yang betul.	3.91
9	Saya membina peta minda berpandukan BTBM semasa P&P.	3.62
10	Saya menggunakan BTBM dalam setiap kemahiran kandungan mata pelajaran.	3.54
11	Saya memandang serius tentang pelaksanaan penggunaan BTBM dalam P&P.	3.85
12	Saya menggunakan BTBM untuk menjayakan kaedah P&P di dalam bilik darjah.	3.82
13	Pemantauan pentadbir memberi kesan positif kepada pelaksanaan penggunaan BTBM dalam P&P.	3.91
14	Penggunaan BTBM mempunyai nilai dalam meningkatkan pemahaman murid.	3.97
15	Penggunaan BTBM telah membantu meningkatkan mutu P&P dan pembelajaran saya.	3.84
16	Penggunaan BTBM berkemampuan mengembangkan pemikiran murid.	3.91
17	Penggunaan BTBM lebih memotivasi murid untuk belajar.	3.76
18	Penggunaan BTBM di dalam kelas banyak membantu perkembangan P&P.	3.88
	<b>Purata jumlah min</b>	<b>3.63</b>

## PERBINCANGAN

### **Sikap Guru terhadap Penggunaan Buku Teks Bahasa Melayu**

Dari sudut isi kandungan, dapatan menunjukkan bahawa keberkesanan BTBM bagi aspek isi kandungan hanya berada pada tahap sederhana sahaja. Guru-guru menerima penggunaan BTBM sebagai rujukan asas kepada murid-murid. Menurut KPM (2005), buku teks merupakan bahan P&P menjadi sumber asas ilmu pengetahuan yang penting dan sahih. Buku teks dijadikan asas bacaan bagi sesuatu mata pelajaran di samping buku-buku rujukan lain. Kandungan buku teks yang tidak bertentangan dengan Dasar Pendidikan Negara dapat membentuk diri dalam aspek intelektual dan kerohanian (KPM 2005). Namun ada isi kandungan yang kurang sesuai terutama untuk latih tubi peperiksaan menyebabkan guru terpaksa mencari bahan lain untuk pengukuhan dan latih tubi yang mengaitkan dari aspek isi kandungan. Buku teks masih tidak dapat mencapai kehendak peperiksaan bagi murid-murid di sekolah. Pendapat ini bercanggah dengan hasrat KPM (2005) yang menyebut buku teks yang bermutu bukan sahaja dapat menentukan perkembangan ilmu pengetahuan tetapi juga membantu pembinaan sahsiah dan perkembangan rohani pelajar. Kajian berkaitan juga dijalankan oleh Johari (2002) yang menunjukkan skor negatif (di bawah 50 peratus) lebih tinggi pada komponen isi kandungan dan kerelevanannya teks bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hasil kajian Johari membuktikan bahawa teks ‘Lari Bersama Musim’ mempunyai beberapa kelemahan dari segi kandungan dan tahap kerelevannya. Selain itu, kajian berkaitan pencapaian menggunakan buku teks turut dijalankan oleh Roberts (2004) yang membuat kajian perbandingan antara pembelajaran secara tradisional, iaitu *Programmed Learning Sequencend* (PLS) dengan *Contract Activity Packaged* (CAP). Dapatan ini menunjukkan bahawa kaedah tradisional yang merangkumi kaedah bacaan lisan daripada buku teks menunjukkan tahap pencapaian yang lebih tinggi berbanding dengan kaedah lain.

Bagi aspek persempahan terhadap keberkesanan penggunaan BTBM pula, purata tahap persempahan keberkesanan BTBM adalah sederhana. Guru-guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa BTBM mencerminkan latar belakang dan budaya masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum. Dapatan ini selaras dengan dapatan oleh Johari (2002) yang mengkaji tentang persepsi guru-guru Kesusasteraan Melayu tentang novel ‘Lari Bersama Musim’ sebagai buku teks asas mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang sesuai dengan matlamat pendidikan sastera. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru mengharapkan persempahan pelbagai gaya di samping ilustrasi yang menarik, sesuai dengan tahap murid sekolah rendah. Pandangan ini berbeza dengan aspek penilaian yang diperlukan oleh pihak BBT, KPM (2005) yang menjelaskan aspek persempahan yang dikehendaki adalah dari segi kesesuaian strategi P&P, kepelbagaian gaya persempahan untuk menarik minat murid, kesesuaian pengolahan dan pemeringkatan bahan secara terancang dan sistematik, kesesuaian kesinambungan antara kandungan, mudah difahami dan senang digunakan dalam pembelajaran dan sesuai dengan latar belakang masyarakat Malaysia.

Bagi aspek aktiviti dan latihan, purata skor min juga berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru sekadar bersetuju sahaja dengan aspek aktiviti dan latihan dalam menilai keberkesanan BTBM. Guru-guru Bahasa Melayu bersetuju bahawa soalan yang dicadangkan dalam BTBM adalah tepat dan mudah difahami. Selain itu, guru-guru lebih gemar mengambil soalan atau petikan daripada buku-buku aktiviti di pasaran. Faktor ini jelas menunjukkan dari aspek aktiviti dan latihan, guru-guru kurang menggunakan dan kurang mengadaptasi bahan-bahan dalam BTBM. Dapatkan ini bertentangan dengan dapatan oleh Bryan (2005) yang menjelaskan penggunaan buku teks banyak memberikan kesan positif. Penggunaan buku teks di dalam bilik darjah memudahkan pencerapan dan penerapan kurikulum di dalam bilik darjah. Buku teks merupakan sumber yang memberikan idea dan aktiviti berbanding dengan instruksional material atau bahan lain.

Dari aspek penggunaan bahasa dan istilah, setiap buku teks perlu memenuhi syarat-syarat seperti penggunaan bahasa, istilah dan ejaan mestilah tepat, tekal dan kemas kini, penggunaan laras bahasa yang sesuai dan penggunaan perbendaharaan kata hendaklah sesuai dengan tahap murid. Guru-guru juga menunjukkan tahap persetujuan yang agak tinggi walaupun masih ada guru-guru Bahasa Melayu yang tidak menunjukkan sikap "sangat berpuas hati". BTBM perlu perbanyakkan bahagian tanda bacaan dan tatabahasa, perbendaharaan kata dan memperbanyakkan lagi aktiviti membaca dari segi bentuk petikan dan jawapan objektif. Menurut H. Michael (1978) dalam Anuar Jusoh (1997), pembentukan cerita serta nahu dalam buku teks dan susunan ayat merupakan kriteria yang utama. Kekayaan istilah dan konsep-konsep perlu selari dengan pergetahuan dan perkataan-perkataan baru dan definisi-definisi yang biasa digunakan.

### **Tahap Kekerapan Guru Menggunakan Buku Teks Bahasa Melayu Semasa Pengajaran dan Pembelajaran**

Kajian mendapati purata skor min bagi faktor kekerapan penggunaan BTBM di dalam bilik darjah ialah 3.63. Hal ini menunjukkan tahap kekerapan penggunaan BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah mencatatkan pada tahap sederhana sahaja. Guru-guru Bahasa Melayu kurang mengadaptasi dan mengaplikasikan penggunaan BTBM di dalam bilik darjah. Kebanyakan guru yang menggunakan BTBM semasa P&P memberikan respon yang positif terhadap pencapaian murid. Dapatkan ini selaras dengan dapatan oleh Bruce (1998) yang menyatakan terdapat beberapa sebab guru menggunakan buku teks di dalam bilik darjah, antaranya untuk mengembangkan bahan yang ada di dalam bilik darjah yang sukar diperoleh, guru mempunyai masa yang terhad untuk membina bahan pengajaran yang baru dan akhirnya kerana pihak sekolah sering menerima tekanan dari pihak luar. Walau bagaimanapun, dapatan menunjukkan bahawa guru merasakan penggunaan BTBM merupakan salah satu cara yang sangat baik dan boleh digunakan dalam pelbagai situasi dan cara.

## CADANGAN MENGATASI

1. Menetapkan satu standard yang lebih tinggi dalam pengetahuan isi pelajaran, merekabentuk semula latihan perguruan dan mengambil hanya guru-guru yang mencapai standard yang tinggi ini Faktor ini perlu diambil berat oleh pihak KPM (Bahagian Pendidikan Guru). Ini kerana sekiranya guru yang tidak berkemahiran dalam mengaplikasi atau tidak kreatif mengadaptasikan penggunaan BTBM menyebabkan guru akan menjadi tidak bermotivasi dan ini memberi kesan negatif kepada murid. Terdapat bukti bahawa murid mendapat faedah daripada kecekapan pengetahuan guru (Kluwin & Moore, 1985.)
2. Kualiti kandungan BTBM boleh dipertingkatkan. Spesifikasi kurikulum mata pelajaran BM dikaji semula dan segala kesamaran dan kelemahan perlu diperbaiki supaya spesifikasi kurikulum tersebut lebih jelas. Langkah ini membolehkan penulis lebih memahami segala kehendak dan hasrat yang tersirat di dalam kurikulum dan boleh menghasilkan buku teks yang lebih berkualiti. Dalam kajian ini juga dicadangkan supaya penulisan buku teks dilakukan oleh satu panel penulis yang mahir dalam mentafsir kehendak kurikulum dan berkebolehan penulisan buku teks.
3. KPM khususnya BBT yang dipertanggungjawab dalam menilai dan mempertingkatkan kualiti BTBM. Kekerapan penggunaan BTBM wajar diberi perhatian. Selain itu, bagi mempertingkat dan memantapkan penggunaan BTBM, BBT, KPM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga perlu bergerak lebih aktif untuk memberikan pendedahan dan juga menganjurkan kursus-kursus tatacara penggunaan BTBM yang lebih berkesan kepada semua guru sama ada kursus jangka pendek atau menggubal satu modul kursus di Institut-Institut Perguruan di Malaysia. Hal ini perlu dipandang serius kerana menurut pandangan dan cadangan guru-guru berkaitan kepentingan menghadiri kursus tata cara penggunaan BTBM dalam pembelajaran di dalam bilik darjah antaranya ialah "Guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu seharusnya diberi kursus dan kesedaran tentang penggunaan buku teks. Guru-guru perlu diberi pendedahan awal tentang cara penggunaan buku teks sebagai rujukan dalam P&P Banyakkan bengkel tatacara penggunaan buku teks di dalam bilik darjah. Pihak KPM boleh mengadakan kursus penggunaan buku teks bersama dengan kursus kurikulum setiap mata pelajaran. Buat bincian dan hantar guru ke kursus atau bengkel. Setiap kali ada perubahan buku teks guru perlu diberi kursus. Dengan menyertai kursus tatacara penggunaan BTBM ini diharapkan guru-guru dapat mengaplikasi semaksimum mungkin penggunaan BTBM semasa P&P di dalam bilik darjah. Ini bertepatan dengan Laporan Jemaah Nazir (1997) yang menyatakan bahawa untuk menjayakan pengajaran di dalam sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) guru-guru perlu diberi latihan atau mendapat maklumat terkini dan ke- dua guru-guru harus mengaplikasikan pengajaran berpusatkan pelajar atau murid. Dalam konteks ini, BTBM biasanya menerima perubahan atau pembaharuan sekiranya sesuatu kurikulum berubah atau terlibat

dengan semakan semula. Oleh itu, guru-guru di dalam bilik darjah wajar mendapat kursus tatacara penggunaan BTBM terbaru semasa P&P supaya BTBM yang dibawa oleh murid ke sekolah tidak dianggap sebagai bebanan

## KESIMPULAN

Guru adalah sumber terpenting kepada semua murid, apatah lagi kepada murid sekolah rendah (KBSR). Bidang pendidikan memerlukan kumpulan guru yang cekap dan berpengetahuan serta bermotivasi tinggi untuk mendidik murid-muridnya. *National Commission on Teaching and America's Future* (Lytle & Rovins 1997), mengenal pasti bahawa pengetahuan guru tentang pedagogi dan kandungan pelajaran adalah pembolehubah yang kritikal di sekolah-sekolah yang pencapaian akademiknya sangat baik. Selain itu, guru hendaklah berkemahiran dan efisien terutamanya dalam kemahiran menggunakan BTBM dalam P&P di dalam bilik darjah. Guru yang tidak cekap akan membuang masa, malahan turut memberikan kesan negatif kepada murid.

Berkaitan hal ini, Pagliaro (1998) menyatakan bahawa walaupun telah diketahui prestasi akademik murid adalah berbeza mengikut tahap pencapaian masing-masing, hanya segelintir guru sahaja yang berusaha menggunakan teknik yang diubahsuai dalam pengajaran mereka. Kebanyakan guru terus menggunakan cara tradisi seperti kaedah menghafal dan menggunakan lembaran kerja tanpa berusaha untuk memberikan kefahaman kepada murid akan sesuatu topik seperti yang dicadangkan di dalam buku teks. Untuk itu, guru hendaklah cekap dalam mengimbangkan keperluan P&P murid-murid di dalam kelas agar keupayaan mereka dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi dengan penggunaan BTBM.

Berdasarkan kajian 198 orang guru Bahasa Melayu, ini menunjukkan bahawa tahap keberkesanan BTBM adalah pada tahap sederhana. Kajian telah dapat menjawab lima persoalan kajian yang dikemukakan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa penggunaan BTBM oleh guru-guru di dalam bilik darjah berada pada aras sederhana dan boleh dipertingkatkan. Manakala BTBM boleh dikemaskinikan seterusnya dijadikan bahan bantu mengajar dan sumber pengajaran utama di dalam bilik darjah.

## RUJUKAN

- Anuar Jusoh. (1997). Kualiti buku teks pendidikan Islam KBSM. Analisis kandungan. Kertas Projek Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bruce.G. (1998). *Far Eastern Economic Review*, 161 (44): 26.
- Bryan. C. (2005). *Analysis of the principal's perceptions of the implementation an impact of the Accelerated Reader and other selected reading strategies used by Texas Gold Performance elementary school*. Boston: Allyn and Bacon.
- Dunia Portal. (2001). Buku teks masih relevan. *Utusan Malaysia*. 31 Julai .3.
- Johari Abd. Latif. (2002). Persepsi guru-guru kesusastraan Melayu menengah atas di Daerah Brunei Muara tentang novel 'Lari Bersama Musim' Sebagai buku teks asas

- mata pelajaran Kesusastraan Melayu: Satu kajian kes. Kertas Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). Laporan jemaah nazir sekolah-sekolah. Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2005). Program penerbitan pakej buku teks KBSR kegunaan mulai tahun 2007 melalui kaedah komisi. Kuala Lumpur: Bahagian Buku Teks.
- Kluwin,T & Moore, D.F. (1985). The effect of the intergration on ,he mathematics acheiment of hearing-Impaired adolescents. *Exceotional Children*. 52 (2): 153-160.
- Lytle & Rovins. (1997). Reforming deaf education: A paradigm shift from how to teach to what to teach. *American Annal of The Deaf*, 142 (1): 33-41.
- Pagliaro, C. M. (1998). Mathematics preparation and profesional development of deaf education teachers. *American Annals of the Deaf*, 43 (5): 373-378.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1992). *Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Robert, Stanley. E. (2004). *Effects of traditional, programmed learning sequenced, and contract activity packaged instruction on sixth-grad student achievement and attitudes*. St. John University, New York: School and Human Services.
- Wan Mohamad Wan Muda. (1998). Seminar Penulisan dan Penilaian Buku-Buku Teks. Kuala Lumpur: Biro Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

***Maklumat lanjut, boleh hubungi:***

Profesor Madya Dr. Zamri Mahamod  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[d-zam@ukm.my](mailto:d-zam@ukm.my)